

JUU

ISU 03

NOVEMBER 2023

# LEX READ

Transgender  
Women  
In Sports

**PM DR.  
NIK SALIDA  
MENULIS**



Equal Treatment or  
Equal Outcomes?



JUU LEX READ

e-ISSN: 2811-3462

# AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015: SUATU SINAR BARU BUAT PENCINTA HAIWAN

Oleh: Anie Farahida Omar ([aniefarahida@uitm.edu.my](mailto:aniefarahida@uitm.edu.my)) &

Mohd Syahril Ibrahim ([syah86@uitm.edu.my](mailto:syah86@uitm.edu.my))



Di Malaysia, hak-hak dan kebajikan haiwan (termasuk haiwan liar dan jalanan) termaktub di bawah pelbagai undang-undang, antaranya **Kanun Keseksaan**, **Akta Binatang 1953**, **Akta Perhutanan Negara 1984**, **Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010**, dan yang paling terkini adalah **Akta Kebajikan Haiwan 2015 (AKH)**.

Akta-akta ini mempunyai tafsiran yang berbeza terhadap definisi haiwan. Mengambil contoh di bawah **seksyen 47 Kanun Keseksaan**, haiwan merupakan suatu makhluk yang bernyawa selain daripada manusia. Manakala **seksyen 2 AKH** pula mentakrifkan haiwan sebagai apa-apa makhluk hidup selain manusia seperti burung, haiwan akuatik, reptilia atau serangga, namun hidupan liar adalah tertakluk di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

## PERMASALAHAN

Di Malaysia, kes penderaan haiwan bukanlah sesuatu yang asing malah kerap menjadi topik hangat di dada akbar dan media sosial. Meskipun terdapat pelbagai undang-undang yang mengawal selia kebajikan haiwan, namun undang-undang ini sering dikritik kerana terdapat kelemahan dari sudut penguatkuasaan dan hukuman yang terlalu ringan. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, kes penganiayaan haiwan telah meningkat sebanyak 10 hingga ke 30 peratus, iaitu dari 463 kes pada tahun 2016 kepada 510 kes di tahun 2017, dan seterusnya 662 kes pada tahun 2018. Dari jumlah tersebut, 90 peratus kes melibatkan anjing dan kucing.

Oleh itu, bagi menampung kelompongan undang-undang sedia ada, akhirnya **AKH** telah diperkenal dan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Kewujudan **AKH** merupakan suatu sinar baru buat pencinta-pencinta haiwan di Malaysia kerana terdapat banyak peruntukan yang lebih tegas dan bersifat menyeluruh berbanding dengan akta-akta terdahulu. Artikel ini akan mengupas perbandingan dan penambahbaikan yang telah dilakukan melalui **AKH** ini. Namun harus diingatkan bahawa kehadiran **AKH** ini

**Angkara bunuh kucing, dipenjara 34 bulan, denda RM40,000**

November 5, 2019 @ 3:53pm



*K Ganesh didapati bersalah membunuh kucing bunting yang dimasukkan ke dalam mesin pengering pakaian di sebuah kedai dobi pada tahun 2019 di Mahkamah Selangor. Sumber: Berita Harian*

tidaklah bersifat sebagai pemansuh kepada mana-mana akta sedia ada.

## KANUN KESEKSAAN

**Seksyen 289** meletakkan kesalahan kepada pemilik haiwan sekiranya sama ada secara sengaja atau tercuai dalam memberi perlindungan, telah menyebabkan haiwan tersebut cedera parah. Hukuman yang diperlukan adalah penjara 6 bulan dan denda sebanyak RM2,000.

**Seksyen 428** pula menyatakan sesiapa yang didapati membunuh, meracun atau mencacatkan haiwan, hendaklah dihukum penjara maksimum 2 tahun, atau didenda.

Kesalahan melakukan persetubuhan luar tabii dengan haiwan pula terkandung di bawah **seksyen 377**, yang mana jika tertuduh didapati bersalah boleh dihukum penjara 20 tahun, denda atau sebat.

## AKTA BINATANG 1953

Akta ini merupakan undang-undang pertama yang menyentuh secara spesifik dalam mencegah kekejaman terhadap haiwan, serta pemuliharaan, kebajikan dan penambahbaikan apa-apa isu berkaitan haiwan, termasuklah haiwan terbiar. Sebagai contoh, **seksyen 44(1)** menyatakan sekiranya seseorang didapati bersalah bagi kesalahan menyeksa, memukul, mengabaikan atau melibatkan haiwan di dalam perlagaan boleh didenda sebanyak RM200 atau dipenjara selama 6 bulan.

Namun hukuman di bawah sekyen ini telah dipinda pada tahun 2013 kepada denda maksimum sehingga RM50,000 dan penjara selama setahun. Hal ini berlaku rentetan daripada desakan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang menuntut agar hukuman tersebut diberatkan lagi.

**Seksyen 45** seterusnya memberi kuasa yang besar kepada pegawai veterinar atau pegawai polis untuk menangkap seseorang yang melakukan kesalahan di bawah **seksyen 44** tanpa waran.

## AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

Di bawah AKH, terdapat beberapa peruntukan penting yang telah mengukuhkan lagi perlindungan dan kebajikan haiwan melalui saluran undang-undang. Antaranya:

### i. Pengenalan Lembaga Kebajikan Haiwan

Lembaga ini terdiri daripada 12 individu-individu penting dari jabatan-jabatan Perkhidmatan Veterinar, Perhilitan, Perikanan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan beberapa lagi.


Sebagai contoh menurut **seksyen 4**, Lembaga ini berfungsi untuk memantau kerja-kerja persatuan yang melindungi haiwan daripada trauma dan kesakitan, memantau kerja-kerja pusat perlindungan haiwan, memberi pendidikan (meningkatkan kesedaran) berhubung layanan berperikemanusiaan kepada haiwan serta menasihati Menteri tentang apa-apa isu berkaitan kebajikan haiwan.

### ii. Penggeledahan dan Penyitaan Tanpa Waran

Sebelum ini di bawah **Seksyen 45 Akta Binatang 1953**, pihak penguatkuasa mempunyai kuasa untuk menangkap tanpa waran kepada seseorang yang melakukan kesalahan di bawah **seksyen 44**.

Di bawah **seksyen 40 AKH** pula, kuasa pegawai kebajikan haiwan telah diperluas kepada memasuki premis tanpa memohon waran terlebih dahulu sekiranya beliau percaya jika berlaku kelengahan maka kesalahan yang dilakukan mungkin diganggu, dialihkan, dirosakkan atau dimusnahkan.

**Seksyen 41 AKH** seterusnya memperincikan kuasa pegawai tersebut kepada memeriksa mana-mana haiwan, menentusahkan kesahihan rekod atau pernyataan maklumat atau mengambil sampel mana-mana haiwan.



### iii. Permohonan dan Mempamerkan Lesen

**Seksyen 15** memperuntukkan bahawa seseorang yang menjalankan aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti penginapan haiwan, haiwan persembahan, penyelamatan dan pemulihan, serta penyembelihan haiwan, hendaklah memohon lesen terlebih dahulu. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan seseorang itu didenda di antara RM15,000 ke RM75,000 atau dipenjara maksimum 2 tahun.

Manakala **seksyen 20(1)** pula mensyaratkan pemegang lesen untuk mempamerkan lesen tersebut di tempat yang mudah dilihat di premisnya. Hukuman bagi mana-mana orang yang melanggar seksyen tersebut adalah denda dari RM10,000 hingga RM50,000 atau penjara maksimum 1 tahun.

### iv. Kewajipan Pemilik dan Pemegang Lesen

**Seksyen 24** menyatakan bahawa pemilik dan pemegang lesen mempunyai kewajipan untuk memastikan keperluan haiwan tersebut dipenuhi iaitu; persekitaran yang sesuai, diet yang sesuai, membolehkan haiwan mempamerkan corak kelakuan yang semula jadi, menempatkan haiwan-haiwan secara bersama atau berasingan, dan melindungi haiwan daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.



Sekiranya kewajipan ini tidak dipatuhi, pemilik atau pemegang lesen boleh didenda di antara RM15,000 hingga RM75,000 atau dipenjara maksimum 2 tahun jika didapati bersalah.

#### v. Penganiayaan Terhadap Haiwan

Secara perbandingan, Akta Binatang 1953 hanya mempunyai satu sahaja seksyen bagi menangani kes penganiayaan terhadap haiwan, iaitu **seksyen 44**. Bukan itu saja, hukuman yang terkandung di bawah **Akta Binatang 1953** ternyata lebih ringan dan tidak begitu signifikan. Sebaliknya **AKH** telah menerangkan secara spesifik perbuatan-perbuatan yang boleh dianggap sebagai suatu kesalahan jenayah di bawah Bahagian V, yang mana terdapat 5 seksyen utama berkaitan penganiayaan terhadap haiwan. Rumusan kesalahan adalah seperti berikut:

Terdapat 21 kesalahan jenayah di bawah **seksyen 29**, antaranya mana-mana orang yang memukul haiwan dengan kejam, tercuai dalam menyediakan makanan, minuman dan tempat perlindungan yang mencukupi untuk haiwan, atau mencacatkan haiwan boleh disabitkan dan dihukum penjara atau denda. Manakala **seksyen 30** pula melarang mana-mana haiwan dibunuh dengan menggunakan senjata api, melainkan dengan kebenaran.

Memberi racun atau menyebabkan apa-apa racun diambil oleh haiwan, boleh disabitkan kesalahan di bawah **seksyen 31**. Seterusnya, **seksyen 32** pula adalah larangan terhadap mana-mana orang daripada terlibat sama ada sebagai penganjur, membuat publisiti, membuat pertaruhan, atau menyimpan atau melatih haiwan bagi tujuan perlagaan.

Dan yang terakhir, kesalahan di bawah **seksyen 33** pula adalah apabila seseorang gagal memberi penjagaan dan pengawasan yang munasabah terhadap kebajikan haiwan. Hukuman di bawah **seksyen 33** adalah penjara atau denda.

Selain **seksyen 33**, kesemua peruntukan di bawah Bahagian V jika disabitkan kesalahan, akan didenda sebanyak dari RM20,000 hingga RM100,000, atau penjara maksimum 3 tahun.

#### KESIMPULAN

Kewujudan AKH bukan saja menjadi bukti bahawa pihak kerajaan benar-benar memandang serius dalam menangani kes-kes penderaan haiwan yang semakin meningkat, malah merupakan suatu sinar baru buat pencinta-pencinta haiwan untuk melindungi haiwan-haiwan di Malaysia dengan undang-undang yang lebih jelas dan teguh. Melalui **AKH**, kita juga mampu menyumbang kepada pengukuhan undang-undang haiwan di Malaysia. Sekiranya berlaku kes penganiayaan haiwan di kawasan kediamaan, kita boleh membuat laporan ke pihak berkuasa sama ada di balai polis atau secara atas talian di laman sesawang *My Animal Welfare*.

#### RUJUKAN

Akta Binatang 1953

Akta Kebajikan Haiwan 2015

Akta Perhutanan Negara 1984

Kanun Keseksaan

